

BERITA HARIAN 29/9/2016 p. V7

# UPM anjur Majlis Anugerah TRADEC '16, iKEKWA 1.0

**Serdang:** Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Putra Malaysia (UPM), menganjurkan Majlis Anugerah Program Cabaran Keusahawanan Dagang 2016 (TRADEC '16) dan Cabaran Integrasi Keusahawanan Ekonomi Wanita (iKEKWA 1.0) di sini, baru-baru ini. Pengarah UCTC, Prof Madya Dr Hawa Ze Jaafar, berkata TRADEC '16 ialah program pembangunan

usahawan pelajar dalam bidang perniagaan dagang. Beliau berkata, program selama dua bulan itu melengkapsi peserta dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui proses pembelajaran teori dan praktikal (simulasi). "Peserta menghadiri bengkel keusahawanan sebelum diberikan tempoh sebulan untuk berniaga. Mereka berpeluang niaga sebarang produk berasaskan

perniagaan dagang dan seterusnya membentangkan hasil perniagaan masing-masing kepada UPM.

**Tingkat jaringan strategik**  
"Sepanjang tempoh perniagaan itu, UPM juga melakukan penilaian dan pemantauan sebelum penentuan keputusan pemenang yang diumumkan pada majlis ini," katanya dalam satu kenyataan. Dr Hawa Ze berkata,



**Pemenang gembira diraikan** pada Majlis Anugerah Program TRADEC '16 dan iKEKWA 1.0.

objektif utama program itu ialah melahirkan usahawan muda berkebolehan dalam perniagaan dagang, sekali gus meningkatkan jaringan strategik antara mahasiswa dengan

universiti dan industri melalui aktiviti berkenaan. Sementara itu, katanya, program iKEKWA 1.0 pula bertujuan membantu menambah baik perniagaan usahawan wanita industri kecil dan seder-

hana (IKS) yang terpilih. Beliau berkata, inisiatif itu meliputi aspek promosi dan pemasaran yang secara langsung dapat meningkatkan taraf ekonomi isi rumah dalam kalangan usahawan berkenaan.